

WAHANA LESTARI

PTDI

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL

BIL. 5/2012



PENCAPAIAN KUALITI PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL 2011

Pelbagai pencapaian telah berjaya dirangkul oleh Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) di sepanjang tahun 2011. antaranya ialah Anugerah Emas dengan 3 Bintang dalam Konvensyen ICC Kebangsaan 2011 di Sunway Resort, Hotel & Spa anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi projek 'Security Tool Book Holder', dan juga Anugerah Emas dengan 3 Bintang dalam Konvensyen KIK Peringkat UiTM kali ke-16 di New York Hotel Johor Bahru untuk projek Transformer Trolley'. PTDI juga telah berjaya memperbaharui Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (QE-SS) pada 18 Ogos 2011.

Lagi berita menarik di dalam.

SIDANG REDAKSI

PENAUING

Prof Madya Dr Hj Omar b. Samat

PENASIHAT

Puan Maznah A. Hamid

PENGARANG

Cik Asmahani Abdullah
Cik Nurul Fariyah Sarmin Panut
Cik Mawar Noor Abdullah
En Idris Muhamad
Cik Nor Azelea Mohd Azahar

PERCETAKAN

Puan Norme Hj Saleh
Puan Eny Musa

PENYUNTING

En. Abdul Razak b. Abu
En. Jafri Jawahil

REKALETAK/KONSEP

En Mohd Danial Bin Daud

EDARAN

En Rozi Anuar Abd Rahim
Puan Fauziah binti Tulip



KATA ALUAN DARI REKTOR UiTM JOHOR

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah yang Maha Agung kerana dengan izin dan rahmatNya, Buletin Wahana Lestari Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) Bil. 5 / 2011 dapat diterbitkan dengan jayanya. Ucapan terima kasih juga kepada Sidang Redaksi yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk merakamkan sepatah dua kata dalam ruangan buletin ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin Wahana Lestari Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) Bil. 5 / 2011 atas usaha merealisasikan penerbitan tahunan jabatan pada kali ini.

Penerbitan Buletin Wahana Lestari PTDI ini merupakan satu medium yang baik dalam menyalurkan maklumat dan aktiviti tahunan kakitangan PTDI. Secara tidak langsung, ia menjadi satu wadah perkongsian ilmu yang boleh memberi manfaat kepada semua pembaca.

Sehingga kini, dalam kontek UiTM Cawangan Johor, PTDI dilihat sebagai contoh dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti kepada pengguna dalam menyokong matlamat kampus untuk melahirkan graduan-graduan yang berilmu dan berdaya saing. Pelbagai pengiktirafan dan penganugerahan yang dirangkul di sepanjang tahun atas kesungguhan ini diharap dapat menyuntik semangat warga PTDI bagi meneruskan usaha untuk berbakti kepada bangsa, agama dan negara.

Semoga PTDI akan terus cemerlang dan terbilang.

DARI MEJA TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia,

Jutaan kesyukuran diparajarkan kehadrat Allah SWT atas limpah dan kurniaNya dapat kita bersama lagi dalam penerbitan Buletin Wahana Lestari PTDI Bil. 5/2012 pada kali ini. Sekalung tahniah dan serangkai syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi yang telah menyumbang tenaga dan masa dalam menyiapkan keluaran pada kali ini.

Pelbagai aktiviti bertempat di dalam dan luar UiTM Johor telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya pada tahun ini atas kerjasama semua warga PTDI dan jabatan-jabatan yang berkaitan. Antaranya ialah program khidmat masyarakat di Pasir Gudang, dan sesi perkongsian ilmu Amalan Persekitaran Berkualiti (QE-5S) antara jabatan dalam mahupun luar UiTM Johor. Aktiviti kebajikan juga turut tidak dilupakan seperti sambutan hari keluarga, sambutan ulangtahun kelahiran dan program ziarah warga PTDI yang terlibat dalam bencana banjir.

Kerjasama seluruh warga serta sokongan pihak pengurusan merupakan teras kejayaan pencapaian PTDI sehingga kini, dan kami muatkannya dalam warkah Buletin Wahana Lestari Bil 5/2012 ini untuk tatapan dan manfaat semua.

Sekian, terima kasih.

INOVASI & KREATIVITI



ABSTRAK

Projek ini adalah untuk mempercepatkan proses buku di Perpustakaan. Masalah kelewatan proses buku dikenal pasti melalui pencapaian Laporan Objektif Kualiti Perpustakaan. Kelewatan proses buku mengakibatkan bahan rujukan terkini lambat sampai ke rak untuk dipinjam oleh pengguna perpustakaan seterusnya kesan kepada proses pembelajaran mereka. Projek ini telah dapat menyokong Misi, Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan Perpustakaan (PUIUTM) dalam memberikan perkhidmatan terbaik, meningkatkan kualiti, produktiviti kerja serta KPI kakitangan. Cadangan penyelesaian bagi masalah adalah dengan menambah baik troli yang sedia ada. Inovasi ini dinamakan Transformer trolley. Reka bentuk troli yang lebih kecil, memudahkan proses pengendalian dan fungsi boleh lipatnya menjimatkan ruang penempatan troli. Masa menunggu bahan untuk diproses juga dapat dijimatkan. Faedah projek ini adalah buku siap diproses dalam tempoh 10 hari daripada tarikh bahan diterima, penjimatan ruang kerja yang kini lebih selesa/selamat, dan pencapaian objektif Perpustakaan.

OBJEKTIF PROJEK

Memastikan 80% bahan yang diterima siap "release for circulation".

PENJIMATAN KOS

Kumpulan AKAR telah dapat menjimatkan wang UiTM dan kerajaan sebanyak RM 5,928 setahun dan RM 59,280 dalam tempoh sepuluh tahun.

KUMPULAN INOVATIF KREATIF DAN INOVASI KUMPULAN AKAR 2011

FASILITATOR : Puan Maznah binti A. Hamid
KETUA KUMPULAN : Cik Mawar Noor binti Abdullah
AHLI KUMPULAN : Puan Hayati binti Daud
Puan Mastiah binti Ibrahim
En. Nurul Amin bin Norudin
En. Mohamad Sukor bin Mesiran
En. Mohd Shafiq bin Mohd Danil
En. Mohd Farizal bin Aziz
En. Haraney bin Hamzah
En. Sulaiman bin Ab. Mutalib
En. Rozi Anuar bin Abd. Rahim



KONVENSYEN KIK UI TM KALI KE 16 DI NEW YORK HOTEL, JOHOR BAHRU PADA 1-4 DISEMBER 2011



ANUGERAH EMAS 3 BINTANG

MINI KONVENSYEN KIK UI TM JOHOR PADA 18-19 JULAI 2011



1. TEMPAT PERTAMA
2. ANUGERAH INOVASI TEKNIKAL

AKTIVITI PTDI

Aktiviti PTDI

Program Mengubah Destini Anak Bangsa

Program Ilmu Mengubah Destini (IMD) anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam dan Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI), UiTM Johor dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor, dan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah merupakan satu aktiviti dalam menggerakkan Program Mengubah Destini Anak Bangsa UiTM. Program ini juga merupakan siri kedua selepas kerjasama PTAR dengan Perpustakaan UiTM Pahang bersama dengan masyarakat Felda Negeri Pahang yang telah dilaksanakan pada 2010.

Pelbagai program telah diadakan sepanjang Mac 2011 melibatkan pelajar Sek. Men. Keb. Pasir Gudang, guru-guru media daerah Pasir Gudang, dan komuniti daerah Pasir Gudang. Kemuncak program ini dirasmikan oleh Yg Berbahagia Dato' Seri Mohamed Khalef Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 3 April 2011 di Sek. Men. Keb. Pasir Gudang. Turut hadir pada hari tersebut ialah Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor UiTM Malaysia dan Prof Madya Hj Omar Samat, Rektor UiTM Johor.

Antara program yang dilaksanakan ialah Bengkel Pusat Sumber Sekolah-sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang, Library Makeover, Pertandingan Pusat Sumber Terbaik Daerah Pasir Gudang dan aktiviti-aktiviti galakan membaca bersama para pelajar sekolah.



Program Ziarah Mangsa Banjir di Segamat

• Februari 2012 menyaksikan bulan bencana alam di Segamat di mana banjir besar telah melanda dan telah mengakibatkan kerugian besar kepada keluarga yang tinggal di kawasan-kawasan tertentu seperti di Kampung Jawa, Taman Pelangi, dan beberapa kawasan lagi. Turut terlibat dalam bencana alam ini adalah rumah beberapa orang kakitangan Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI). Justeru, Kelab PTDI diketuai Puan Maznah A. Hamid, bersama-sama semua staf PTDI, telah mengadakan lawatan dan menghulurkan sedikit sumbangan serta bantuan tenaga bagi meringankan beban mangsa banjir ini. Sumbangan bekalan makan adalah derma ikhlas dari staf PTDI dan telah disampaikan oleh Puan Maznah, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan kepada tuan rumah yang berkenaan.

Rombongan dari rumah ke rumah telah diadakan pada 8 Februari 2012 menaiki kereta masing-masing. Selain mengadakan kunjungan ziarah mangsa banjir, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara keluarga kakitangan PTDI. Keseluruhannya, program ziarah mangsa banjir ini telah berjaya mencapai objektif yang digariskan dengan jayanya. Kunjungan separuh hari ini berakhir jam 6.00 petang.



AKTIVITI PTDI

Bengkel Pusat Sumber Sekolah-sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang

Program Bengkel Pusat Sumber Sekolah-sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang ini telah diadakan pada 8 hingga 10 Mac 2011 di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor. Perasmian bengkel yang melibatkan 40 orang peserta dari kalangan Guru Media Sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Hj Omar bin Samat, Rektor UiTM Cawangan Johor, disaksikan oleh Puan Faridah Talib, Pemangku Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM dan Tuan Hj Ishak Mahbob, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor.

Pelbagai taklimat dan sesi perkongsian ilmu telah diadakan dalam memberi panduan dan tunjuk ajar kepada guru-guru media yang terlibat untuk menguruskan Pusat Sumber Sekolah dengan baik dan bersistematis. Antara penceramah berpengalaman yang memberi taklimat dalam bengkel ini ialah Datin Che Normadiah Hj Che Abbas, Ketua Unit Perhubungan Awam Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Puan Asmah Maarof, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Malaysia, Pn. Haslina bt Johar, Nazir sekolah, En. Abdul Razak Abu, Pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat UiTMJ, dan Cik Mawar Noor Abdullah, Pustakawan UiTMJ.



AKTIVITI PTDI

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Bahagian Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) telah diadakan 27 September 2012, di Bilik Serbaguna ILQAM bersebelahan bilik Mesyuarat PTDI pada jam 8.00 malam. Majlis tersebut dianjurkan sepenuhnya oleh Kelab PTDI di bawah pimpinan En. Mohamad Shukor Mesiran, Pembantu Perpustakaan Kanan dan dirasmikan oleh Puan Maznah A. Hamid, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan. Selain menyambut Aidilfitri, majlis ini diadakan untuk mengeratkan silaturahim antara keluarga kakitangan PTDI. Jamuan yang dihadiri oleh seluruh keluarga kakitangan PTDI disajikan dengan pelbagai juadah hari raya termasuk sate, lontong, rendang, nasi himpit, ketupat dan banyak lagi.

Aturcara majlis bermula dengan bacaan doa dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad, marhaban dan kemudian dihiburkan dengan lagu-lagu hari raya. Turut diraikan kakitangan yang menyambut hari ulangtahun kelahiran pada 3 bulan semasa (Julai-September). Majlis jamuan tersebut diserikan dengan kelelah anak-anak kakitangan serta sesi bermaafan di antara kakitangan PTDI. Jamuan tersebut berakhir pada jam 10.00 malam.



SEJASA

HARI KELUARGA PTDI

TEMPAT: HUTAN LIPUR SUNGAI BANTANG, BEKOK

TARIKH : 14 MEI 2012




1. AKTIVITI SUKANEKA KANAK-KANAK.
2. PERSIAPAN SUKANEKA.
3. AKTIVITI SANTAI BERSAMA KELUARGA.
4. SUKANEKA ISI AIR DALAM BOTOL.
5. PERSIAPAN KHEMAH DAN BBQ.
6. BERGAMBAR BERAMAI-RAMAI TANDA KENANG-KENANGAN.

LAWATAN PENANDA ARAS QE-5S KE INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PEDAS

TARIKH: 14 JULAI 2011



- 
1. KENANGAN BERSAMA JAWATANKUASA QE ILP PEDAS, NEGERI SEMBILAN
 2. PENASIHAT QE PTDI, PN. MAZNAH A.HAMID MENYAMPAIAN UCAPAN ALUAN.
 3. PESERTA LAWATAN DARIPADA PTDI UITM JOHOR.
 4. PENYAMPAIAN CENDERAHATI.
 5. SESI LAWATAN KE ZON-ZON DI ILP PEDAS.
 6. PESERTA LAWATAN MENDENGAR PENERANGAN DARIPADA JKKUA QE ILP PEDAS.

AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI

AUDIT MPC DAN AUDIT DALAM

En. Mohd Zul Ezwan Muhamad, Auditor dari MPC telah menjalankan audit di PTDI pada 18 Ogos 2011 dan PTDI telah berjaya melaksanakan amalan QE dengan CEMERLANG dan disyorkan untuk pembaharuan pensijilan.



Audit Dalam Qe-SS telah dijalankan pada oleh Ustazan Noorizan Othman dan Pn. Nor Azrin Zainudin 12 Ogos 2011



AKTIVITI

Bengkel Dokumentasi Amalan Persekitaran Berkualiti UiTM Johor (21 – 22 April 2011)



Bengkel Dokumentasi Amalan Persekitaran Berkualiti UiTM Perak (9 – 10 Jun 2011)



Lawatan penanda aras (QE) dari Akademi Pengajian Bahasa UiTM Johor ke PTDI (26 Mei 2011)



Lawatan Penanda Aras (QE) Dari Fakulti Pendidikan UTM Skudai ke PTDI (26 Julai 2011)



INOVASI

Bil	Inovasi	Gambar
1.	Projek KIK 2011: Transformer trolley	
2.	Taman ILMU	
3.	Poket peralatan jilid	
4.	Paper light switch cover	
5.	Borang soal selidik lawatan	
6.	Borang tempahan Taman ilmu	
7.	Medical kit	

SIJIL-SIJIL



BERITA BERGAMBAR



1



4



2



5



3



6



1. Puan Maznah, selaku Penasihat Amalan QE-5S UiTMJ merasmikan Bengkel Auditor Baru Amalan QE-5S UiTMJ.
2. Sesi Lawatan Pemantauan oleh wakil Unit Jilid PTAR UiTM Shah Alam ke Unit Jilid PTDI.
3. Cik Mawar dan Puan Normie bersama pelajar praktikal di pameran Hari Inovasi UiTM Johor.
4. Membuat pemilihan buku sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2011.
5. Meraikan Majlis Perpisahan Pelajar Praktikal Julai 2011.
6. Sesi Tazkirah Sempena Minggu Solat di Taman Ilmu PTDI disampaikan oleh Ustaz Kamarudin.
7. Lawatan Penanda Arasen Amalan QE-5S dari Fakulti Pendidikan UTM Skudai.
8. Pn Maznah memotong kek bagi menyambut ulang tahun kelahiran staf PTDI.
9. Bergambar sempena meraikan Hari Raya Aidilfitri 2011.
10. Lawatan ziarah staf PTDI ke rumah Puan Hayati Daud pembedaan pada April 2011.
11. Menerima kunjungan penanda aras projek KIK dari F
12. Staf PTDI sebagai penyambut tetamu KARISMA UiTM
13. Gotong-royong Taman Ilmu 2011
14. Sesi pelepasan ikan-ikan di kolam Taman Ilmu PTDI
15. Puan Maznah memberi taklimat penyediaan dokumentasi
16. Kumpulan KIK Akar mendapat emas di ICC Kebangsaan



10



13




11



14



12



15



16

selepas beliau menjalani

Perpustakaan UiTM Terengganu
2011.

oleh Puan Maznah
an Amalan QE-SS kepada warga UiTM Johor.
an 2011 di Sunway Pyramid

BERITA KAMPUS BANDARJAYA

BENGKEL PEMANTAPAN KEMAHIRAN MAKLUMAT

Disediakan oleh : Idris Muhammad

Dunia pembelajaran moden hari ini telah membuktikan kepentingan penggunaan maklumat elektronik tidak boleh dipertikaikan lagi. Perisian ini sangat membantu bagi sesiapa juar yang mahu menghasilkan kerja yang lebih bersistematis dan professional.

Berdasarkan kelebihan perisian inilah, pengajuran Bengkel Pemantapan Kemahiran Maklumat ini terus direncanakan dan telah dilaksanakan dengan jayanya pada 25 Februari 2012. Bengkel ini dapat dijayaikan dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak 1. Penceramah jemputan yang diundang khas bagi menjayakan bengkel ini ialah Pn Azura Mohamad Hashim dan En Sharol Nizam Johor.

Bengkel ini berjaya mendedahkan para peserta untuk menggunakan pelbagai pengkalan data atas talian seperti EQPS, FCORP dan sebagainya dengan lebih berkesan tentangnya dalam menyediakan laporan penyelidikan, assignment dan sebagainya. Disamping itu, bengkel ini turut memberi kefahaman dan pengetahuan secara profesional tentang penggunaan perisian End Note dalam membantu pensyarah atau researcher membuat bibliography. Secara tidak langsung para peserta bengkel dapat memaksimumkan kemudahan sedia ada di perpustakaan UiTM JB.

Lawatan Penandaaran ke Perpustakaan UTEM dan PPAS

Disediakan oleh : Idris Muhammad

Bahagian Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Kampus Johor Bahru telah mengadakan Lawatan Penandaaran ke Perpustakaan Universiti Teknikal Melaka (UTEM) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) pada 29 hingga 30 Mei 2012 yang lalu dan seramai 9 orang staf perpustakaan terlibat dengan lawatan ini.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi idea dan ilmu tentang dunia kepustakawan, disamping memberi pendedahan kepada semua staf tentang perkara baru dan kemudahan terkini yang mungkin boleh diaplikasikan di perpustakaan baru kami di UiTM Pasir Gudang yang dijangka siap pada tahun 2014.

Selain itu, lawatan ini juga amat berguna untuk meningkatkan kualiti pengurusan dalam pengendalian sesebuah perpustakaan. Hal ini kerana, banyak perkara baru yang boleh kami lihat di kedua-dua perpustakaan ini.

Matlamat kami untuk menjadikan Perpustakaan UiTM Pasir Gudang serba lengkap, berdiri setanding dengan perpustakaan akademik lain.

Perpustakaan Tun Dr Ismail telah menganjurkan program "Jom Ke Library!" yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang mengisi ruang semester Disember 2011-Mei 2012. "Jom Ke Library!" diadakan bertujuan untuk menggalakkan kunjungan pengguna serta mempelbagaikan penggunaan perpustakaan di kalangan pelajar dan kakitangan UiTM. "Jom Ke Library!" telah membuka tirai dengan aktiviti "Sudoku@PTDI" yang berlangsung pada 8hb Februari 2012 di Perpustakaan Tun Dr Ismail. Sebanyak dua kategori telah dipertandingkan iaitu kategori pelajar dan kategori kakitangan UiTM. Seramai 29 orang yang terdiri dari kakitangan dan pelajar telah menyertai "Sudoku@PTDI" yang bermula pada jam 2.30 petang dan berakhir pada jam 5.00 petang.

Selesai aktiviti "Sudoku@PTDI", Pertandingan Teka Silangkata telah mengambil tempat untuk memeriahkan lagi program "Jom Ke Library!". Peserta dikehendaki menyelesaikan sebanyak dua seksyen teka silangkata dalam tempoh seminggu bermula dari 8hb Februari hingga 15hb Februari 2012. Pertandingan ini telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu untuk pelajar dan kakitangan UiTM.

Pada 11hb Februari 2012, sebanyak 17 kumpulan pelajar telah berkumpul di perkarangan Perpustakaan Tun Dr Ismail seawal 9.00 pagi untuk menjayakan "Infotunt" yang dijalankan di sekitar kawasan kampus yang mana setiap kumpulan dianggotai oleh 3 orang pelajar. Aktiviti "Infotunt" berakhir sekitar jam 1.00 petang.

"Jom Ke Library!" melabuhkan tirai dengan majlis penutup "An Evening With PTDI" turut diserikan dengan Anugerah Peminjam Terbanyak 2012 (Kategori Lelaki & Perempuan) serta penghargaan untuk Pengunjung Bertuah Yang Ke-300,000, masing-masing menerima baucer buku, hamper & sijil penghargaan. Manakala setiap pemenang dari "Sudoku@PTDI", Pertandingan Teka Silangkata dan "Infotunt" telah menerima hadiah tempat ke-3 berupa baucer buku bernilai RM 50, tempat ke-2 menerima baucer buku bernilai RM 100, manakala johan setiap pertandingan menerima baucer buku bernilai RM 15. Setiap peserta yang menghantar penyertaan juga telah menerima sijil penyertaan daripada pihak Perpustakaan Tun Dr Ismail.



KRISIS: TEKANAN ATAU PELUANG

OLEH: Asmahani Binti Abdullah

Krisis bukanlah merupakan sesuatu yang asing bagi seseorang manusia normal. Manusia normal tidak boleh lari dari berhadapan dengan krisis yang mana sekiranya tidak diurus dengan baik mungkin boleh mengakibatkan kita hilang punca, hilang kawalan dan seterusnya mengganggu sistem kehidupan rutin kebiasaan. Menganggap krisis yang datang sebagai satu masalah yang tiada pengakhiran membawa kepada masalah mental dan lebih teruk lagi ada yang cenderung untuk mencederakan diri sendiri. Mengambil kira hal ini wujudlah pelbagai teori dan penulisan ilmiah, malah diwujudkan juga jawatan profesional seperti perundang, kaunselor, doktor psikologi dan sebagainya untuk bagi membantu kita semua dalam mengendalikan krisis dengan bijak.

naik pangkat

Punca krisis dalam peribadi bukan hanya kepada perkara negatif. Perubahan yang positif juga menyumbangkan kepada krisis. Buku yang ditulis oleh Sally-Ann Lipson (1999) bertajuk *The Little Book of Crisis: How to Cope with Change* merupakan penulisan yang mudah dan ringkas untuk kita memahami konsep dan kaedah menghadapi krisis.

hilang pekerjaan

Buku yang bersaiz tapak tangan ini menyentuh tentang perubahan hidup tatkala kita berhadapan dengan krisis kehidupan yang tidak berpenghujung; selesai satu perkara, datang pula yang lain. Seorang yang bijak tidak akan takut dan berputus asa apabila dilanda krisis, malah akan berhadapan dengan penuh berani.

akan berkahwin

Penulis buku ini mahukan pembacanya bersedia untuk mengubah sifat takut dan mudah putus asa kepada bangkit berani berhadapan dengan setiap krisis yang dihadapi. Beliau meyakinkan bahawa setiap krisis yang datang tidak akan kekal dan akan berakhir.

Percaya atau tidak, krisis sebenarnya telah memberi kita peluang untuk menambahbaik kehidupan dan bertindak lebih matang. Kita tidak banyak belajar jika sentiasa berada dalam keadaan yang selesa berbanding masa yang sukar. Krisis adalah satu tekanan atau peluang? Jawapannya ada dalam diri kita. Detik kesukaran membawa impak kehidupan yang besar dalam diri seseorang. Pengalaman keluar dari himpitan krisis mematangkan kehidupan. Scott W. Ventrella (2007) dalam bukunya

bertajuk *Me, Inc: How to Master The Business of Being You* telah berkongsi kaedah untuk berhadapan dengan masalah krisis ini dengan mengaplikasikan teori bisnes dalam kehidupan. Salah satunya adalah meninggalkan zon krisis dengan mengenal pasti punca masalah dan mengubah kebiasaan dapat membuka jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah.

Mengubah persepsi krisis kepada suatu yang memberi peluang adalah lebih baik dari menjadikan ia satu tekanan yang boleh merosakkan kehidupan. Cabaran hidup kita adalah berlainan antara satu sama lain. Sememangnya krisis merupakan ujian dan hukum hidup yang mana semua orang tidak akan terlepas dari mengalaminya. Kita boleh menghadapinya kerana kita tidak akan diuji melainkan dengan kemampuan dan daya kita sendiri.

Tiada apa yang kekal dalam sistem kehidupan ini. Semua benda berubah: tubuh badan kita, kepercayaan kita, perasaan kita kepada diri sendiri dan juga orang lain. Perubahan adalah satu proses kehidupan. Adakah kita bersedia untuk mengubah tanggapan kita bahawa setiap krisis itu mempunyai hikmah dan manfaat tersembunyi dalam kita menapaki ke hadapan?

Dalam Islam, seseorang yang tidak dapat mengawal emosi dan berputus asa perlu muhasabah diri dan mendekatkan diri dengan Yang Maha Pencipta bagi meningkatkan keyakinan dan mewujudkan rasa kebergantungan antara hamba dan tuhan.

Tiada yang lebih hebat dari Yang Maha Penyayang yang sentiasa kasih kepada hambanya. Krisis yang dihadapi merupakan satu ujian bagi mengukur tahap mana keupayaan iman dalam diri individu hambanya dalam mengawal kehidupan berlandaskan batas-batas yang disyariatkan. Berhadapan dengan krisis membawa hamba yang beriman kembali bersujud kepada Allah. Dan bagi yang tidak bijak menyusun langkah, maka mereka tergolong dalam golongan yang rugi.

Rujukan:

Lipson, S. (1999). *The Little book of crisis: how to cope with change*. Great Britain: Frances Lincoln Limited.

Ventrella, S. W. (2007). *Me, Inc.: how to master the business of being you*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.

TINTA PUSTAKAWAN





KEMAHIRAN MEMBUAT KEPUTUSAN.

OLEH: Mawar Noor Binti Abdullah

off the mark.com

by Mark Parisi
offthemark.com



"Everything is something you decide to do, and there is nothing you have to do."
~Denis Waitley~

maklumat/perubahan semasa, pengalaman daripada perkara yang lepas dan sentiasa menjangkakan sesuatu yang positif pada masa akandatang. Seseorang individu perlu tahu apa yang mereka mahu, perlu, percaya dan yakin dengan kebolehan diri sendiri. Ini bagi membolehkan sesuatu keputusan yang dibuat adalah tepat mengikut keadaan semasa. Bagi membantu proses ini, kita memerlukan banyak sumber maklumat yang boleh dijadikan sebagai panduan. Namun perlu diingatkan bahawa jika terlalu banyak maklumat yang kita peroleh dalam satu masa, kemungkinan untuk kita keliru seterusnya membuat keputusan yang tidak tepat akan berlaku. Oleh itu kita perlu memilih serta memastikan maklumat yang diterima adalah tepat, terkini, dan padat. Oleh sebab bukan mudah untuk membuat keputusan dengan ketidakpastian, maka kemahiran membuat keputusan, dapat dibantu oleh ilmu pengetahuan, pengalaman, pemahaman dan pembacaan. Pelbagai buku-buku motivasi yang boleh kita jadikan paduan dalam pembangunan kendiri dan mewujudkan keberanian dalam membuat keputusan. Antara buku kegemaran saya termasuklah buku yang ditulis oleh Stephen R. Covey iaitu "7 habits of highly effective people: powerful lessons in personal change". Buku ini ditulis dalam bahasa yang mudah difahami dan andai anda lebih selesa membaca buku berbahasa Melayu, buku ini juga lah diterjemahkan.

Dalam kehidupan, kita perlu membuat keputusan dan keputusan ini dibuat setiap saat. Masakan tidak, sejak kita bangun tidur hingga tidur semula pelbagai tindakan serta keputusan telah kita laksanakan. Contohnya baju apa yang dipakai, lauk apa yang akan kita makan, Keputusan yang dibuat ini menentukan segala tindakan dan membantu menyelesaikan masalah sehari-hari. Keputusan yang diambil memberikan impak sama ada yang positif maupun yang negatif dalam hidup seseorang individu. Malah sesuatu keputusan itu mampu mengubah nasib serta masa depan seseorang, sebuah institusi maupun mengubah nasib negara. Maka di sini timbulah kepentingan untuk memiliki kemahiran membuat keputusan yang tepat dan betul. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan ialah kehendak, kepercayaan, pengalaman, ilmu pengetahuan dan kadang-kadang dipengaruhi oleh gerak hati. Dengan itu beberapa garis panduan boleh diikuti bagi memastikan kejayaan dalam setiap keputusan yang dibuat. Ini termasuklah pentingnya kita mempunyai sikap yang betul apabila berdepan dengan sesuatu keadaan, bijak untuk mengambil peluang, belajar dan terus belajar, fokus serta menggunakan sedikit daripada imaginasi. Namun, harus kita ketahui bahawa apabila kita membuat keputusan bagi menyelesaikan sesuatu masalah, kita akan berhadapan dengan risiko, ketidakpastian serta pelbagai kemungkinan. Oleh sebab itu, sikap yang positif perlu dalam menghasilkan ketidakpastian yang positif. Sikap positif yang diperlukan ialah menerima

TINTA PUSTAKAWAN



Keberkesanan pencarian maklumat di kalangan pelajar

Oleh: Nurul Farihah Sarmin



Bermulanya semester baru, maka sesi kuliah pun bermula. Para pensyarah juga mula memberikan tugas kepada pelajar. Setiap semester saya didatangi oleh pelajar-pelajar yang mempunyai masalah berkaitan pencarian maklumat. Ada diantara mereka adalah dikalangan pelajar tahun akhir yang akan menamatkan pengajian. Sebagai seorang pustakawan rujukan, setiap soalan yang ditanyakan oleh pelanggan perlu dijawab dengan sebaiknya. Soalan yang kerap ditanyakan adalah berkenaan dengan bahan rujukan seperti online database, jurnal, citation dan bibliografi dan soalan-soalan berkaitan tugas mereka.

Terdapat beberapa faktor ketidakkeberkesanan pencarian bahan dan maklumat yang dikenalpasti sewaktu membuat pencarian bahan dan maklumat. Kebiasaanya apabila pelajar mendapat tugas daripada pensyarah, medium utama yang digunakan adalah pencarian menggunakan search engine yahoo dan google. Bagi mereka medium ini lebih mudah dan cepat. Walaubagaimanapun, penggunaan search engine ini lebih mendorong kesukaran kepada mereka kerana jumlah dapatan carian kata kunci yang terlalu banyak mendorong kesukaran kepada mereka untuk memilih bahan yang bersesuaian dengan tugasan.

Kurangnya kesedaran tentang penggunaan dan kewujudan pangkalan data atas talian dan e-book dikalangan pelajar adalah menjadi salah satu faktor bagi kurangnya keberkesanan pencarian bahan dan maklumat ini. Bagi meningkatkan kesedaran tentang penggunaan pangkalan data atas talian dan e-book ini, perlunya satu kerjasama di antara perpustakaan dan fakulti. Kerjasama pensyarah menghantar pelajar-pelajar ke sesi Kelas Kemahiran Maklumat dapat membantu pelajar mendapatkan bahan-bahan berkualiti dan ilmiah untuk tugasan mereka. Melalui sesi Kelas Kemahiran Maklumat ini, pelajar didekah dengan penggunaan pangkalan data atas talian dan e-book yang berkesan bagi membantu mendapatkan bahan dan maklumat yang tepat bagi setiap tugas yang diberikan.

Kepesatan teknologi hari ini juga menyebabkan pelajar lebih tertumpu kepada sumber-sumber elektronik. Tidak hanya tertumpu kepada bahan-bahan digital dan elektronik, pendedahan penggunaan bahan-bahan bercetak di perpustakaan juga perlu diberikan kepada pelajar melalui sesi taklimat dan orientasi perpustakaan. Taklimat dan orientasi perpustakaan perlu diberikan kepada pelajar-pelajar baru. Melalui taklimat dan sesi orientasi ini, pelajar di dedahkan dengan persekitaran perpustakaan disamping cara-cara penggunaan bahan-bahan dan perkhidmatan perpustakaan yang lebih efektif. Didapati masih ramai pelajar yang tidak tahu bagaimana untuk mendapatkan penulisan akademik dan ilmiah yang terdapat di dalam jurnal.

Ringkasnya, walaupun terdapat pelbagai sumber maklumat yang boleh digunakan oleh pelajar, kebergantungan terhadap sumber elektronik dan penggunaan search engine seperti yahoo dan google masih lagi mendominasi. Keadaan ini tidak seharusnya berlaku, ini kerana sumber maklumat bercetak masih lagi relevan walaupun pengaksesan sumber maklumat pada hari ini hanya di hujung jari.





PELUPUSAN BAHAN PERPUSTAKAAN

OLEH: Idris Muhammad

Kebanyakan perpustakaan akademik mempunyai sehingga 10,000 naskah atau lebih bahan rujukan. Bahan-bahan tersebut perlu dipilih buang sebelum diserapkan ke dalam koleksi sedia ada kerana sebahagian daripada koleksi tersebut tidak sesuai lagi digunakan. Setiap pelupusan bahan yang dijalankan adalah untuk memastikan koleksi perpustakaan sentiasa terkini, mantap, sempurna dan relevan untuk tujuan rujukan, pembelajaran dan penyelidikan.

Koleksi perpustakaan yang mantap memerlukan koleksinya dinilai sekurang-kurangnya dua tahun sekali. Penilaian bahan mestilah melihat kepada kerelevanannya, tahap kerusakan dan sebagainya. Antara tujuan pelupusan adalah untuk menyediakan bahan bacaan berkualiti bagi memenuhi keperluan pengguna sekaligus memastikan koleksi rujukan adalah terkini, bertepatan, mudah dilihat dan dikesan. Selain itu, pelupusan bahan juga memastikan penggunaan ruang yang berkesan bagi menampung pertambahan koleksi terbaru.

Beberapa kriteria umum pelupusan bahan perpustakaan yang biasa digunakan tetapi tertakluk kepada dasar atau polisi sesebuah perpustakaan. Antaranya :

1. Keadaan fizikal bahan

Bahan yang rosak tetapi masih boleh digunakan, namun kos pembaikan adalah lebih tinggi dari kos gantian. Kebanyakan muka surat bahan juga telah hilang atau rosak dan kesinambungan kandungan bahan tersebut tidak boleh dijadikan bahan rujukan lagi

2. Kekerapan penggunaan

Bahan perpustakaan yang jarang atau tidak pernah sekali dipinjam atau dirujuk juga boleh dipertimbangkan untuk pelupusan.

3. Naskah lebihan

Bahan yang telah mencukupi bilangannya dalam koleksi perpustakaan boleh dikeluarkan dari rak dan disumbangkan kepada perpustakaan lain yang memerlukan.

4. Kandungan teks /bahan

Isi kandungan bahan yang tidak sesuai dengan objektif serta dasar perolehan perpustakaan. Adakalanya maklumat dan fakta yang terkandung di dalam sesuatu bahan tidak tepat, tidak terkini atau tiada nilai karya.

5. Edisi

Edisi lama yang telah digantikan dengan edisi baru boleh dilupuskan kecuali untuk pemuliharaan bahan. Bahan edisi terbaru sudah pasti lebih terkini dan luas skop pengajiannya.

6. Tahun terbitan

Bahan perpustakaan yang melebihi 20 tahun kecuali bahan yang berunsur klasik, karya agung best seller, novel tersohor dan karya yang pernah memenangi anugerah kesasteraan dunia.

7. Keadaan fizikal bahan

Bahan yang telah berkulat dan tidak boleh dirawat juga boleh dilupuskan.

Recycle
Your
Reading



TINTA PUSTAKAWAN



Berkualiti dalam Pekerjaan

OLEH: INOR AZELEA BT MOHD AZAHAR

"Berkualiti pada setiap masa, bukan sekali sekala"

Hari ini manusia begitu prihatin mengenai mutu atau kualiti dalam semua aspek kehidupan. Semua orang mengejar kualiti. Begitulah juga dengan perkhidmatan perpustakaan negara kita yang berkembang begitu pesat dalam pelbagai pengetahuan dan kemahiran. Semua perkembangan ini memerlukan perpustakaan bersedia menghadapi dan menyahut cabaran terutama dalam aspek memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya. Kualiti boleh ditafsirkan sebagai keadaan yang paling baik, unggul, menepati kehendak yang ditetapkan, memberi kepuasan kepada semua pihak. Nilai kualiti pula ialah kepercayaan, keyakinan dan norma yang berfungsi sebagai penggerak yang menentukan perlakuan, tindakan dan proses organisasi. Bagi menjadikan perpustakaan tempat yang berkualiti, setiap staf perlulah dapat memenuhi keperluan pelanggan setiap masa, menghindari dari masalah daripada berlaku, menggalakkan kerja berpasukan, sentiasa peka dengan kehendak pelanggan, sentiasa murah dengan senyuman, mengamalkan komunikasi secara terbuka dan berhemah serta sentiasa memastikan kemajuan diri secara berterusan dan menyeluruh. Dengan ini, sebagai staf perpustakaan, bagi menjadikan perpustakaan tempat yang berkualiti, semua orang perlu faham bahwasanya jawatan yang disandang adalah sebagai amanah dan bukannya hak seseorang individu itu. Kita perlu menjadikan pekerjaan itu sebagai ibadah dan jalan untuk mendapatkan rezeki yang halal. Tanamkanlah minat dalam pekerjaan yang dilakukan dan kecenderungan yang lebih dalam melaksanakan tugas. Setiap individu perlu jelas terhadap visi, misi dan objektif organisasi bagi mencapai kualiti pekerjaan yang tinggi. Cuma, kita perlu jelas bahawa matlamat terakhir dalam menjalankan tugas ialah mendapat keredhaan Allah s.w.t. Bagi orang-orang ingin cemerlang dalam kerjaya dan kehidupan mereka, berkualiti dalam pekerjaan untuk mencapai keredahaan-Nya dilihat sebagai mustahil tetapi tidak jika kita sentiasa beringat dalam melakukan apa jua perkara. Sesuatu yang dianggap sukar dan berat, akan menjadi semakin ringan apabila kita tahu tujuan dan matlamat yang perlu dicapai. Dengan itu, kejayaan dan kecermerlangan ada dalam gengaman tangan. Sejarah juga ada membuktikan bahawa umat yang tidak mengendahkan kualiti akan ketinggalan dan semakin tersisih atau dilupakan.



SEKALUNG BUDI SEJAMBAK KASIH



Majlis Sekalung Budi Sejambak Kasih Prof. Dr. Hj. Muhd Kamil Ibrahim, Mantan Pengarah UiTM Cawangan Johor

Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) telah mengadakan Majlis Sekalung Budi Sejambak Kasih untuk meraikhan jasa Prof. Dr. Hj. Muhd Kamil bin Ibrahim, Mantan Pengarah UiTM Cawangan Johor dan isteri, Puan Rauzah binti Roslan yang dijangka akan berangkat dan menetap di Madinah. Majlis yang diadakan pada 8 Ogos 2011 di Bilik Serbaguna iLQAM UiTM Johor itu telah dihadiri oleh semua kakitangan PTDI termasuk Puan Maznah A. Hamid, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTDI. Matlamat utama majlis perpisahan ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih pihak PTDI di atas jasa baik Prof. Dr. Hj. Muhd Kamil yang telah banyak menyokong pembangunan perpustakaan UiTM Johor ini semasa beliau menjawat jawatan Pengarah Kampus sebelum ini. Beliau juga telah banyak memberi perubahan dalam aspek kerohanian kepada warga PTDI khususnya, dan UiTM Johor umumnya, masih sempat berpesan kepada semua warga PTDI agar sentiasa berbuat baik dan beramal dalam apa jua keadaan. Antara agenda dalam majlis perpisahan yang serba ringkas ini adalah sesi bermaafan dan penyampaian hadiah kenang-kenangan kepada beliau dan isteri. Semoga kita dapat berjumpa lagi di lain masa. Kami warga PTDI mengucapkan selamat maju jaya kepada Prof. Dr. Hj. Muhd Kamil dan isteri.



MUTIARA KATA

LILLAHU KELILLAHU

Orang yang gagal dalam usahanya lebih dari pada orang yang tak berusaha sama sekali.

J. Douglas

Berani menyatakan pendirian adalah sifat satria, tetapi berani surut dari yang salah dan berani mengaku adalah lebih satria. -

Hanifa

Kasangan kamu yang paling baik, ialah mereka yang paling baik akhlaknya. -

Bukhari dan Muslim

Tidak ada satu yang lebih mahal daripada kemerdekaan dan tidak ada kebahagiaan yang lebih besar daripada menunaikan kewajipan. -

Umar Al-Khattab

Ada dua orang yang paling gagal dalam hidup, orang yang tidak cekap membuat apa yang disuruh, dan orang yang membuat hanya apabila disuruh. -

Lukman Hakim

Yang sangat berguna adalah seorang lelaki yang mengetahui dirjat dirinya sendiri, tahu batas akulnya, kemudian dia bekerja menurut dirjat dan batasnya.

Imam Als Syafie

Walaubugaimanapun alim seseorang itu, dia tidak akan dapat manfaat dari pada ilmunya selagi ilmunya tidak berpedoman kepada akal.

Lukmanul Hakim

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG



ENCIK IDRIS BIN MUHAMMAD
PUSTAKAWAN




CIK ASMAHANI BINTI ABDULLAH
PUSTAKAWAN



ENCIK NURUL AMIN BIN NORUDIN
PEMBANTU PEMULIHARAAN

STAF KAUNTER TERBAIK



KENAIKAN PANGKAT



KAKITANGAN BARU PTDI



Nor Azelea Binti Mohd Azahar
Pustakawan
Kampus Bandaraya
(1 November 2011)



Nursyafiqah Binti Mohd Ali
Pembantu Perpustakaan
Kampus Bandaraya
(16 Mei 2011)



Mohd Azmi Bin Samsuri
Pembantu Perpustakaan
Kampus Segamat
(15 April 2011)

SELAMAT PENGANTIN BARU



Eny binti Musa & Farulizwan Bin Aspah
17/09/2011

